




LUX GRIP

PANDUAN RINGKAS

KOMPONEN KAMERA



1 Butang pengatup

Tekan (sekejap sahaja):

- Memfokus dan melepaskan pengatup

Tekan (jangan lepaskan >3 s):

- Pemegang diaktifkan.
Untuk menyambungkan pemegang ke iPhone buat kali pertama, ikuti arahan yang disediakan dalam aplikasi Leica LUX. iPhone yang sudah dikenali akan disambungkan secara automatik.
- Lampu LED menyala hijau secara berterusan.

2 Butang FN

Tekan (sekejap sahaja):

Mengakses fungsi yang ditetapkan

Tekan (jangan lepaskan >3 s):

Mengubah tetapan fungsi butang

Tekan kedua-dua butang FN (jangan lepaskan >5 s):

Kamera akan memulakan mod penggandingan.

- LED status berkelip biru perlahan-lahan.

3 Tombol

Pusing:


- Beralih daripada satu fungsi kepada fungsi yang lain

Tekan:

- Mengubah tetapan fungsi

4 Sesentuh MagSafe

KOMPONEN KAMERA



5 **Uliran tripod**

A 1/4 DIN 4503 (1/4")

6 **Port USB-C**

Bateri boleh ganti dalaman dicaskan melalui port USB-C.*

7 **Status Lampu LED**

Merah (berkelip):

Kapasiti bateri rendah (<15%)

Hijau (menyala selama kira-kira 5 s):

Penggandingan berjaya, sedia untuk digunakan

Hijau (menyala berterusan):

Bateri dicas penuh

Hijau/merah (berkelip):

Proses pengecasan bateri sedang aktif

Biru (berkelip):

Proses penggandingan sedang aktif

Biru (menyala selama kira-kira 3 s):

Penggandingan selesai

*Model iPhone yang dilengkapi port USB-C boleh mengecas Leica LUX Grip menggunakan kabel USB-C.

MAKLUMAT KESELAMATAN

MAKLUMAT AM

- Hanya gunakan aksesori yang ditetapkan untuk model ini bagi mengelakkan kerosakan, litar pintas atau renjatan elektrik.
- Jangan cuba tanggalkan sendiri bahagian-bahagian perumah. Kerja-kerja pembaikan mesti dilakukan di pusat servis yang sah sahaja.
- Lindungi Leica LUX Grip daripada terkena semburan racun serangga dan bahan kimia lain yang bersifat agresif. Petrol, pencair cat (thinner) dan alkohol tidak boleh digunakan untuk pembersihan. Sesetengah bahan kimia dan cecair boleh merosakkan perumah Leica LUX Grip atau kemasan permukaannya.

BATERI

- Pastikan soket kuasa boleh diakses tanpa sebarang halangan pada setiap masa.
- Jangan buka bateri. Kerja-kerja pembaikan hanya boleh dilaksanakan di pusat servis yang sah.

- Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak. Bateri boleh menyebabkan lemas jika tertelan.

MAKLUMAT KAWAL SELIA

==	Arus terus (DC)
----	-----------------



PELUPUSAN PERALATAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

(Maklumat ini diguna pakai untuk negara-negara EU dan negara Eropah lain yang menguatkuasakan dasar pengasingan sisa.)

Peranti ini mengandungi komponen elektrik dan/atau elektronik yang tidak boleh dilupuskan dengan sampah rumah biasa. Sebaliknya, peranti tersebut hendaklah dilupuskan di pusat kitar semula yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan anda. Perkhidmatan ini adalah percuma. Sebarang bateri biasa atau bateri boleh cas semula yang digunakan dalam peranti ini mesti dikeluarkan dan dilupuskan secara berasingan mengikut peraturan tempatan. Sila hubungi pihak berkuasa tempatan anda, pusat pelupusan sisa buangan atau peruncit yang menjual peranti ini kepada anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara pelupusan sisa yang betul.

TERMA & SYARAT WARANTI LEICA CAMERA AG

Pelanggan Leica yang dihargai,
Tahniah atas pembelian produk Leica baharu anda. Anda telah memilih produk berjenama yang diyakini di seluruh dunia. Selain hak undang-undang anda untuk membuat tuntutan terhadap penjual produk anda, kami, Leica Camera AG ("LEICA"), memberi anda perkhidmatan waranti secara sukarela untuk produk Leica anda mengikut peruntukan-peruntukan berikut ("Jaminan Leica"). Jaminan Leica tidak menghadkan hak undang-undang anda sebagai pengguna di bawah undang-undang yang terpakai atau hak anda sebagai pengguna terhadap peniaga yang mengikat kontrak pembelian dengan anda.

WARANTI LEICA

Anda telah membeli produk Leica yang dihasilkan mengikut garis panduan kualiti khusus dan diuji oleh pakar berpengalaman pada setiap peringkat pengeluaran. Kami menyediakan waranti Leica seperti berikut untuk produk Leica ini, termasuk aksesori yang terdapat dalam bungkusan asal. Waranti ini sah mulai 1 April 2023. Sila ambil perhatian bahawa waranti ini tidak meliputi penggunaan komersial bagi produk kami.

SKOP WARANTI LEICA

Sepanjang tempoh waranti, aduan berkaitan dengan kecacatan pembuatan dan bahan akan dibaiki secara percuma, mengikut budi bicara LEICA, sama ada melalui pembaikan, penggantian bahagian yang rosak atau penukaran dengan produk Leica yang serupa dan bebas daripada kecacatan. Bahagian atau produk yang diganti itu akan menjadi hak milik LEICA. Apa jua tuntutan lanjut berdasarkan jenis dan sebarang alasan perundangan berhubung dengan waranti Leica ini tidak akan dilayan.

PENGECUALIAN WARANTI LEICA

Waranti Leica tidak meliputi bahagian haus & lusuh, bateri dan isu berkaitan faktor tekanan mekanikal, melainkan kecacatan itu berpunca daripada kecacatan pembuatan atau bahan. Waranti ini juga terpakai untuk kerosakan permukaan.

PEMBATALAN TUNTUTAN DI BAWAH WARANTI LEICA

Tuntutan waranti adalah terbatal sekiranya kecacatan didapati berpunca daripada cara pengendalian yang tidak betul. Waranti juga mungkin terbatal sekiranya aksesori pihak ketiga telah digunakan, atau produk Leica tidak dibuka dengan betul atau tidak dibaiki dengan sewajarnya. Tuntutan waranti juga terbatal sekiranya nombor siri tidak dapat dibaca.

MENGEMUKAKAN TUNTUTAN WARANTI LEICA

Untuk membuat tuntutan waranti, kami memerlukan salinan bukti pembelian produk Leica anda oleh pengedar LEICA yang sah ("Pengedar Sah Leica"). Bukti pembelian mesti mengandungi tarikh pembelian, butiran produk Leica terbabit berserta nombor item dan nombor siri, serta maklumat tentang Pengedar Sah Leica. Kami berhak meminta anda menyerahkan resit asal. Sila hantar produk Leica anda berserta salinan bukti pembelian dan penerangan tentang aduan tersebut kepada:

Leica Camera AG, Customer Care,
Am Leitz-Park 5, 35578 Wetzlar, Germany
E-mel: customer.care@leica-camera.com,
No. Telefon: +49 (0)6441 2080-189 atau
Pengedar Sah Leica.

Gambar produk Leica	Tempoh waranti
Semua produk	2 tahun

DATA TEKNIKAL

Nama Produk

Leica LUX Grip

No. Pesanan

18 562

Bahan

Rangka logam: aluminium

Keperluan operasi

Suhu pengecasan: 10°C hingga +45°C

Suhu pengendalian: -10°C hingga +60°C

Suhu penyimpanan: 0°C hingga +45°C

Nilai nominal voltan/arus masuk

3.7 V $\approx$ 0.3 A (bateri)

Berat

Lebih kurang 130 g (dengan bateri)

Bluetooth

Bluetooth 5.0 LE

Bateri

Bateri ion litium, kadaran voltan 3.7 V (DC);
kapasiti 300 mAh

Tertakluk kepada perubahan mengikut reka bentuk dan jenis model.

SKOP PENGHANTARAN

- Leica LUX Grip
- Kabel pengecas USB-C
- Panduan Ringkas

PENDAFTARAN PRODUK LEICA



Silakan daftarkan Leica LUX Grip Anda di sini untuk mendapatkan akses ke aplikasi Leica LUX versi PRO selama satu tahun secara gratis.

LEICA LUX APP:



Pemegang Leica LUX hanya berfungsi bersama aplikasi Leica LUX. Aplikasi kamera iPhone yang telah diprapasang tidak boleh digunakan dengan Pemegang Leica LUX.